



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

## KENYATAAN MEDIA

---

### **KESUMA SEDIA BERI BANTUAN SEWAJARNYA UNTUK WARIS KELUARGA NAHAS HELIKOPTER TERHEMPAS**

---

KUALA LUMPUR - Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) sedia memberi bantuan yang sewajarnya kepada waris keluarga mangsa nahas helikopter terhempas di Lumut Perak, Selasa lalu.

Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong memberitahu pihaknya telah meminta Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) untuk segera membuat semakan sekiranya terdapat bantuan lain yang boleh diberikan kepada waris keluarga menerusi platform 'Social Synergy'.

Ini berikutan kesemua 10 mangsa yang terlibat nahas adalah bukan penjarum PERKESO namun penjawat awam yang mengambil skim pencen.

Inisiatif Program Social Synergy yang dibangunkan PERKESO bertindak sebagai platform perlindungan sosial rentas agensi. Ia meliputi pelbagai agensi pemberi bantuan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Pusat Zakat, Majlis Agama Islam Negeri dan lain-lain.

Menerusi Program Social Synergy, sebuah pengkalan data perlindungan sosial telah dibangunkan yang berupaya mengintegrasikan maklumat penerima bantuan dalam memastikan tiada penerima tercicir di saat mereka memerlukan bantuan dan ihsan daripada pihak berkaitan.

"KESUMA juga sedang bekerjasama erat dengan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi memastikan perlindungan yang lebih baik dapat diberikan kepada penjawat awam sedia ada sekiranya berlaku bencana.

"Langkah-langkah ini diambil untuk memastikan mereka mendapat sokongan dan perlindungan yang sewajarnya dalam menghadapi cabaran yang mereka hadapi.

"Kementerian Sumber Manusia turut menzahirkan ucapan takziah kepada semua waris keluarga yang terjejas dalam kejadian tragis ini. Kami akan berusaha

memberikan bantuan sewajarnya kepada mereka agar ia dapat meringankan beban yang mereka hadapi pada masa ini," jelas beliau dalam satu kenyataan media yang dikeluarkan hari ini.

Terdahulu 10 pegawai dan anggota Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) maut selepas dua helikopter bertembung diudara semasa sesi raptai Sambutan Hari Ulang Tahun TLDM di Lumut Perak pada 23 April lalu.

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA (KESUMA)**  
**26 APRIL 2024**